



GETAH (SMR 20)

RM9.64/kg

TIMAH

AS\$19,650/tan

MINYAK SAWIT (MEI 2017)

RM2,991/tan

EMAS

RM168.46/gram

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590

Penggunaan swasta juga dipengaruhi petunjuk lain termasuk situasi domestik dan sektor lain

Harga bahan api tidak jejas ekonomi

BANGI - Harga runcit bahan api yang menyaksikan satu lagi kenaikan pada bulan ini tidak akan menjejaskan penggunaan swasta dengan ketara atau melembapkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang juga merupakan pakar ekonomi, Prof. Datuk Seri Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, ini kerana tidak semuanya terikat pada harga minyak.

"Terdapat banyak petunjuk lain juga terlibat, malah penggunaan juga bergantung kepada bagaimana anda melihat situasi domestik serta sektor lain.

"Penggunaan swasta Malaysia tidak akan berubah dengan ketara disebabkan kenaikan harga runcit bahan api baru-baru ini.

"Malaysia kekal dalam kumpulan negara yang mempunyai harga bahan api yang lebih rendah dan dengan itu ia tidak dijangka akan menjejaskan pertumbuhan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengumumkan kerjasama berasingan UKM dengan Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) serta Bank Dunia di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengu-



NOOR AZLAN (kanan) bertukar memorandum persefahaman dengan Hadad-Zervos sambil disaksikan oleh Tunku Zain (tengah) di UKM, Bangi semalam.

rus Negara Bank Dunia di Malaysia, Faris Hadad-Zervos; Presiden dan Pengasas IDEAS, Tunku Zain Al-Abidin Tuanku Muhriz serta Ketua Eksekutifnya, Wan Saiful Wan Jan.

Harga petrol dan diesel Malaysia telah diletakkan dalam sistem apungan terurus sejak 1 Disember 2014 susulan pemansuhan subsidi bahan api.

Harga bahan api untuk RON95 dan RON97 dinaikkan sebanyak 20 sen untuk Februari manakala harga diesel pula meningkat 10 sen, masing-masing kepada RM2.30, RM2.60 dan RM2.15 seliter.

Sebelum itu, UKM dan Bank Dunia melancarkan usaha pencarian dua calon untuk menyertai Program Perintis Pelatih Penyelidikan

UKM-Bank Dunia.

Universiti itu juga telah menjalin kerjasama dengan IDEAS untuk meningkatkan minat dalam aktiviti penyelidikan, akademik dan sokongan awam melalui pelancaran Rangkaian Asia Tenggara.

Komitmen berkenaan akan memberi tumpuan kepada usaha memangkinkan pembangunan negara-negara ASEAN.

Kelemahan ringgit punca Mydin rugi

KUALA LUMPUR - Mydin Mohamed Holdings Bhd. (Mydin) menjelaskan bahawa penurunan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) merupakan faktor utama yang menyebabkan kerugian yang ditanggung syarikat berkenaan pada tahun lalu.

Pengarah Urusannya, Datuk Wira Ameer Ali Mydin berkata, pengusaha pasar raya besar Mydin itu mengalami kerugian di-



AMEER ALI

sebabkan penurunan nilai ringgit memandangkan kebanyakan produk yang ditawarkan kepada pengguna diimport dari negara luar.

"Paras ringgit berbanding dolar AS adalah pada 3.65 pada 1 April 2015, berbanding kira-kira 4.42 setiap dolar AS pada ketika ini.

"Kelemahan ringgit berbanding dolar AS telah menyebabkan kami

Rafaai dilantik Ketua Pegawai Teknologi, Inovasi TM